



PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)



HELAIAN KETERANGAN PRODUK

PA KELUARGA PROGRESSIVE POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI

Terdapat sebanyak 24 pelan pilihan merangkumi dari pelan perlindungan asas sehingga pelan perlindungan yang komprehensif. Pelan-pelan ini direka untuk memenuhi keperluan dan bajet anda dan akan membayar pampasan kepada anda bagi kecederaan anggota badan akibat mana-mana kemalangan yang mana kecederaan ini sepenuhnya dan bebas dari apa-apa sebab lain mengakibatkan anda mengalami hilang upaya atau menyebabkan anda perlu menjalani perubatan dan/atau pembedahan atau berlakunya kematian.

Ciri-ciri istimewa:

Pelbagai Pilihan yang Luas

Perlindungan 24 Jam Seluruh Dunia

Permohonan yang Mudah dengan melengkapkan sahaja borang cadangan dan hantarkan kepada kami atau Penasihat Insurans anda untuk pemprosesan segera

PERLINDUNGAN

Kami akan membayar bagi mana-mana kemalangan, pampasan bagi faedah sebagaimana disenaraikan di bawah jika anda cedera dan dalam masa dua belas(12) bulan kalender dari tarikh kemalangan itu.

Faedah

- Kematiian akibat kemalangan
- Kehilangan kekal atau ketidakupayaan
- Faedah mingguan bagi ketidakupayaan menyeluruh sementara
- Belanja perubatan
- Belanja pengebumian
- Belanja pembakaran mayat dan/atau penghantaran pulang
- Pendapatan hospital
- Pembedahan pemulihan gigi/kosmetik
- Fi ambulans
- Pembelian peralatan ortopedik

Nota: Suri rumah & kanak kanak tidak layak menerima faedah mingguan bagi ketidakupayaan menyeluruh sementara

ORANG YANG DIINSURANSKAN

Kanak kanak semuda umur 15 hari sehingga umur 17 tahun dan bagi orang dewasa, dari umur 18 tahun sehingga umur 64 tahun. Didalam kes-kes pembaharuan polisi dibeli sebelum berumur 65 tahun, perlindungan ini boleh diperbaharui sehingga umur mencapai 70 tahun.

KLASIFIKASI PEKERJAAN

- Kelas 1: Orang yang terlibat dengan kerja pentadbiran, pengurusan, pengkeranian dan bukan manual tanpa mengira pekerjaan.
- Kelas 2: Orang yang terlibat dengan jenis kerja penyeliaan, perniagaan borong atau selalu mengembara dan yang tugas tidak memerlukan penggunaan perkakas atau jentera atau terdedah kepada sebarang bahaya tertentu.
- Kelas 3: Orang yang terlibat dengan kerja jenis manual yang tidak beberapa berbahaya tetapi memerlukan penggunaan perkakas atau jentera (tetapi bukan jentera pertukangan kayu).

PEKERJAAN YANG DIKECUALIKAN

- Askar
- Anak kapal syarikat penerbangan
- Perobohan
- Juruselam
- Nelayan
- Penguatkuasa Undang-undang
- Pembalak
- Tentera
- Pelombong
- Minyak dan Gas luar persisiran
- Juruterbang
- Sukan atau Perlumbaan
- Pelaut
- Pemunggah muatan kapal
- Membuat terowong
- Koresponden Perang

PENGECUALIAN UTAMA

- Peperangan
- Pengganasan
- Kegiatan sukan berisiko tinggi
- Dadah
- Keuzuran berkaitan AIDS/ HIV
- Penyakit yang dijangkiti secara seksual

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca [Helaian Pemberitahuan Produk](#) sebelum anda memilih untuk mendapatkan perlindungan Insurans ini. Sila baca terma dan syarat utama am.